

11.3.2021_Harian Metro_MOSTI_ 186 'diberikan' kuasa pengamal perubatan swasta diizinkan kendali kes positif koronovirus

186 'diberikan' kuasa

Pengamal perubatan swasta diizinkan kendali kes positif koronavirus

Bernama

Putrajaya

Seramai 186 pengamal perubatan swasta di berikan kuasa mengikut Seksyen 10 (2) Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021 bagi mengendalikan kes positif Covid-19 berkuat kuasa hari ini, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Beliau berkata, mereka berkuasa mengeluarkan perintah pengawasan dan pe-

merhatian di rumah atau Pusat Kuaran dan Rawatan Covid-19 serta arahan pemakalan gelang kuarantin.

"Pengamal perubatan swasta ini dibenar mengendalikan kes positif Covid-19 di tempat mereka bekerja sama ada di klinik atau hospital swasta," katanya selepas melancarkan buku *The Covid-19 Chronicles of Malaysia/Navigating the Storm* di sini, semalam.

Mengenai pecahan pengamal perubatan swasta terbabit mengikut negeri, Dr

Adham berkata, Selangor mempunyai jumlah tertinggi iaitu 66 diikuti Kuala Lumpur (43), Johor (26), Pulau Pinang (16) dan Negeri Sembilan (13).

Selainnya adalah masing-masing empat di Melaka dan Perlis, Perak serta Terengganu masing-masing tiga, Pahang, Kelantan dan Sabah masing-masing dua manakala Kedah dan Putrajaya masing-masing satu.

Dr Adham berkata, Pejabat Kesihatan Daurah diberi tanggungjawab menyediakan garis panduan ke-

pada pengamal perubatan swasta terbabit.

Mengenai proses vaksinasi bagi barisan hadapan, Dr Adham berkata, sasaran 60 peratus daripada 500,000 petugas barisan hadapan mendapat suntikan vaksin Covid-19 dijangka dicapai minggu ini.

Hingga kini, katanya, 195,923 individu mendapat suntikan.

Seramai 4.68 juta rakyat negara ini mendaftar untuk menerima suntikan vaksin Covid-19 melalui aplikasi MySejahtera.

Tinjau pusat vaksin



MENTERI Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin melakukan lawatan ke Pusat Pemberian Vaksin Klinik Kesihatan Rembau, semalam.